

29/01/2003

Perang Iraq: Keselamatan jemaah haji tidak terjejas

KUALA LUMPUR: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) semalam memberi jaminan keselamatan jemaah haji Malaysia tidak akan terjejas walaupun Amerika Syarikat dan Britain melancarkan perang terhadap Iraq ketika musim haji ini.

Pengurus Perhubungan Korporatnya, Mohd Rafidi Ibrahim, berkata walaupun tiada pelan tindakan khusus, Tabung Haji akan mengambil tindakan perlu dengan kerjasama Wisma Putra dan Kerajaan Arab Saudi jika keadaan memerlukan.

Katanya, Tabung Haji percaya dengan kewibawaan dan kemampuan Kerajaan Arab Saudi bagi memastikan keselamatan jutaan jemaah haji dari seluruh dunia, lebih-lebih lagi kedudukan Makkah jauh dari Baghdad.

"Segala urusan jemaah haji akan berjalan seperti biasa seperti yang dirancangan. Jemaah haji tidak perlu bimbang dengan keselamatan mereka ketika berada di tanah suci. Kita mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Arab Saudi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas pelan tindakan Tabung Haji jika peperangan meletus di Iraq. Amerika dan Britain dikatakan akan melancarkan perang terhadap Iraq pada bila-bila masa.

Ahad lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan memanggil pulang kakitangannya dan memindahkan rakyat termasuk pelajarannya di Iraq dan negara jiran berdekatan jika pasti perang akan dilancarkan ke atas Iraq.

Jabatan Negara Amerika Syarikat dilaporkan memaklumkan semua kedutaannya di seluruh dunia sudah diarah memberitahu rakyatnya di negara berkenaan supaya bersedia untuk pulang serta merta berikutan tanda-tanda jelas tindakan ketenteraan mungkin dilancarkan terhadap Iraq.